

**Majlis Gerakan NGO Islam Asean Diwujudkan Tangani Isu Penduduk Rohingya
Bernama
14 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Satu majlis gerakan badan bukan kerajaan (NGO) Islam Asean, yang menggabungkan semua organisasi Islam di rantau itu, akan ditubuh sebagai inisiatif bagi menangani isu penduduk Rohingya.

Sehubungan itu, Institut Kerjasama Islam Antarabangsa Malaysia (IKIAM) dilantik menyediakan rangka kerja ke arah pembentukan mekanisme ini.

Pelantikan itu menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat gerakan dalam menangani masalah Rohingya, dan pada masa sama, mencadangkan bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi wakil kehormat misi kemanusiaan NGO dunia Islam.

Pengerusi IKIAM Datuk Zahidi Zainul Abidin berkata perkara itu sebahagian daripada resolusi yang dicapai pada Persidangan Gerakan NGO Islam Asean yang dianjurkan bagi membela umat Islam Rohingya di Myanmar, yang dilanda penghapusan etnik.

"Persidangan hari ini menegaskan bahawa penghapusan etnik Rohingya di Rakhine, Myanmar perlu diberhentikan serta-merta, dan mereka yang bertanggungjawab perlu dibawa ke muka pengadilan di mahkamah antarabangsa.

"Kerajaan Myanmar perlu bertanggungjawab untuk memastikan hak kemanusiaan dan kewarganegaraan kaum Rohingya perlu hormati kerana kaum itu adalah kaum pribumi di wilayah Rakhine (yang dulunya Arakan)," katanya kepada pemberita hari ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=688159>